



GENTING MALAYSIA BERHAD  
(Reg. No. 198001004236)

---

PRESS RELEASE

For Immediate Release

---

## Kumpulan tarian singa terbaik dunia bertarung demi kegemilangan di Resorts World Genting pada Ogos ini

**Genting Highlands, 15 Jun 2023** – Saksikan kehebatan singa dengan aksi akrobatik menakjubkan di atas tiang mengikut rentak gendang dan simbal dengan seni gerak penuh kreatif di Kejohanan Tarian Singa Dunia Genting ke-14 dari 4 hingga 6 Ogos ini di Resorts World Genting (RWG).

Kejohanan bertaraf anatarabangsa ini adalah salah satu kejohanan tarian singa yang mendapat pengiktirafan tinggi dan dihormati dalam industri. Bertempat di Arena of Stars, 36 pasukan tempatan dan antarabangsa akan bersaing di peringkat awal kejohanan pada 4 dan 5 Ogos sebelum terpilih untuk 11 tempat sahaja di peringkat akhir pada 6 Ogos.

Peminat sukan ekstrem baharu ini boleh menantikan kejohanan yang mendebarkan dengan persembahan yang memukau. Ia akan menjadi pesta budaya yang tidak boleh dilepaskan kerana Kejohanan Tarian Singa Dunia Genting ke-14 menjanjikan persaingan yang melampaui sempadan dan penglibatan penonton ke tahap yang tidak pernah dilihat atau dialami sebelum ini.

Bercakap pada sidang akhbar dan cabutan undian perlawanan pusingan awal kejohanan ini, Roger Ong, Penolong Naib Presiden Hiburan dan Acara RWG berkata, "Kami sangat teruja untuk mengalukan sekali lagi kumpulan tarian singa terbaik dari seluruh dunia untuk mempersembahkan kemahiran mereka di sini di Resorts World Genting!"

Beliau menambah, "Dan seperti tahun-tahun sebelumnya, kami berbesar hati untuk bekerjasama dengan Persatuan Tarian Naga & Singa Selangor & Wilayah Persekutuan untuk membawa budaya Cina yang hebat dan sangat popular ini dalam persembahan bertaraf dunia ke Genting!"

Pemenang kejohanan tahun ini akan membawa pulang hadiah wang tunai USD\$15,000, piala dan pingat, manakala naib juara pertama dan kedua akan masing-masing menerima USD\$8,000 dan USD\$5,000 beserta piala dan pingat. Lapan pemenang hadiah sagu hati masing-masing akan menerima trofi dan hadiah wang tunai sebanyak USD\$1,500. Selain itu, trofi Raja Singa Timur dan Barat yang diidam-idamkan juga akan dianugerahkan kepada pasukan terbaik dari Asia dan negara Barat. Dua anugerah istimewa yang baharu bakal menjadi rebutan adalah Anugerah Gendang Emas, dipilih oleh panel penilai dan Anugerah Pilihan Rakyat, yang dipilih hasil undian penonton. Pemenang kedua-dua anugerah ini akan menerima hadiah wang tunai sebanyak USD\$1,000.

Tiket kejohanan tarian singa perdana dunia ini sudah mula dijual. Para penonton mempunyai pilihan untuk Pas sehari pada harga RM60.00 (PS2 – Tempat duduk bebas) atau Pas untuk 3 Hari pada RM230.00 (PS1 – Tempat duduk bernombor) atau RM140.00 (PS2 – Tempat duduk bebas). Kanak-kanak kurang dari ketinggian 95cm layak mendapat tiket berharga RM50.00 tanpa tempat duduk. Ahli Genting Rewards layak untuk membeli tiket melalui tunai, kad kredit atau penebusan GP. Bayaran pemprosesan tambahan RM4 dikenakan. Untuk maklumat lanjut, lawati [rwgenting.com](http://rwgenting.com) atau saluran media sosial rasmi RWG.

– Tamat –

**For media enquiries, please contact:**

**Ms Mei Yeap Lee Mui**

Assistant Manager  
Corporate Communications & Public Relations  
Genting Malaysia Berhad  
Tel: (603) 6105 9447  
Email: [mei.yeap@rwgenting.com](mailto:mei.yeap@rwgenting.com)

**Ms Lorehta Doreen Sritheran**

Executive  
Corporate Communications & Public Relations  
Genting Malaysia Berhad  
Tel: (603) 6105 9609  
Email: [lorehtadoreen.sritheran@rwgenting.com](mailto:lorehtadoreen.sritheran@rwgenting.com)

**About Genting Malaysia**

Genting Malaysia Berhad (GENM) is one of the leading leisure and hospitality corporations in the world. Listed on Bursa Malaysia, GENM owns and operates major resort properties including Resorts World Genting (RWG) in Malaysia, Resorts World New York City and Resorts World Catskills (which is 49%-owned via an associate company) in the United States (US), Resorts World Bimini in the Bahamas, Resorts World Birmingham and over 30 casinos in the United Kingdom (UK) and Crockfords Cairo in Egypt.

With about 10,500 rooms across seven distinct hotels, RWG is Malaysia's premier integrated resort destination. The resort also features wide-ranging leisure and entertainment facilities, including gaming, theme park and amusement attractions, dining and retail outlets, as well as international shows and business convention facilities. Additionally, Genting Highlands Premium Outlets (a joint venture between Genting Plantations Berhad and Simon Property Group) at the mid-hill and Genting SkyWorlds, a first class, world-class theme park, further complement RWG's extensive premium offerings and exemplifies its position as a leading provider of leisure and entertainment in the region.

GENM is a member of the Genting Group, one of Asia's leading and best-managed multinational companies. The Genting Group is led by Tan Sri Lim Kok Thay, a visionary entrepreneur who has successfully established the Resorts World brand as a leader in the leisure and hospitality sector in Malaysia, Singapore, the Philippines, the US, the Bahamas and the UK. Tan Sri Lim Kok Thay also has significant investments in other industries globally including oil palm plantations, property development, power generation, oil and gas and biotechnology.